

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

PLG 427 - Falsafah Pendidikan I

Masa: [2 jam]

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Mahzab Idealis melihat matlamat pendidikan sebagai satu usaha untuk memenuhi potensi-potensi mental yang terdapat pada setiap individu. Bincangkan pernyataan ini dengan memberi contoh-contoh yang spesifik.
2. Bandingkan pendapat Plato dan Rousseau tentang matlamat dan skop pendidikan.
3. Pendidikan Progresif mencerminkan beberapa kelainan dari teori Perennialisme. Huraikan perbezaan-perbezaan di antara kedua-dua teori pendidikan ini.
4. a) Bincangkan konsep “kesedaran yang kritikal” sebagai satu matlamat pendidikan sebagaimana yang dicadangkan oleh Paulo Friere.

ATAU

- b) Apakah langkah-langkah untuk mencapai matlamat “pendidikan untuk berdikari”? Apakah pendirian anda tentang matlamat ini?
5. Pendidikan dianggap sebagai suatu alat untuk pembangunan bangsa dan negara di Malaysia. Terangkan secara ringkasnya konsep yang tersebut ini.

- oooOooo -